

Pilihanraya Kecil Kemurn dan Selising

■ Berdasarkan keputusan pengundi di kawasan Kemurn dan Selising pada 8 September, wartawan NORDIN MOHAMMAD mengulas faktor-faktor yang menyebabkan kemenangan Barisan Nasional. Menurut beliau, pengaruh Pas di Kelantan sudah merosot dan masa depan Hamim pula gelap sekali...

Pengaruh Pengamalan Islam yang Menerobok di Kelantan

PILIHANRAYA kecil Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Selising dan Kemurn 8 September lalu meninggalkan pelbagai kesan, terutama dari segi 'imej' dan maruah' kepada parti-parti yang bertanding — Barisan Nasional, Pas dan Hizbul Muslimin (Hamim).
Bagi BN, yang berjaya menawan semula Selising dan Kemurn, yang menjadi kerusi tradisi Pas sejak tahun 1969 hingga 1978 itu, bukan sahaja menaikan imej dan maruah politiknya, malah membuktikan bahawa kekuatan pengaruhnya semakin bertinggi di Kelantan, khususnya di kubu koalisi Pas itu.
Sejak BN memerintah negeri Kelantan dalam tahun 1978, hampir kesemua kubu-kubu kuat Pas selama ini berjaya ditembus oleh Umno dengan penubuhan cawangan-cawangannya.
Kegagalan Pas merobek kedua-dua kerusi itu, khususnya Kemurn yang terkenal sebagai kubu kuatnya, menjejaskan pucuk pimpinan Pas Kelantan di kalangan ahli-ahli dan para penyokong parti itu.
Kesan-kesannya sedikit sebanyak mungkin dirasai oleh Pesuruhjaya Pas Kelantan sendiri, Haji Nik Aziz Nik Mat, kerana kawasan Parlimen Pengkalan Chepa semakin menurun — sesungguhnya kekalahan itu terlalu pahit untuk ditelan oleh Pas kerana sejak dari awal ia begitu yakin dapat memenangi kerusi Kemurn.
Kecundangannya Hamim di kedua-dua kawasan itu dengan teruk sekali menjadi saiz ukuran sejauh manakah penerimaan rakyat negeri Kelantan, terutama di kalangan bekas penyokong Pas terhadap kepemimpinan Datuk Haji Asri dalam politik.
Ia juga menunjukkan rakyat Islam negeri

ini masih belum dapat menerima Hamim sebagai parti alternatif kepada Pas atau Berjasa. Mereka nampaknya masih ragu-ragu terhadap perjuangan parti baru itu.
Kekalahan Hamim itu meletakkan imej politik Datuk Asri di kalangan pucuk pimpinan baru Pas sekarang di tahap yang rendah, sehingga ada di antaranya meramalakan Hamim akan berbunga.
Kejayaan Barisan Nasional menawan semula kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Kemurn dan Selising menunjukkan sikap rakyat menolak 'cara baru' kepemimpinan dalam Pas, yang meletakkan 'ulama' sebagai kemudiannya dan menolak kegiatan kafir mengkafirnya.
Kejayaan BN itu adalah satu kemenangan kepada pemikiran yang rasional di kalangan rakyat yang terang-terang menolak kepemimpinan Pas itu dan menerima sikap sederhana yang ditunjukkan oleh para pemimpin BN.

Senjata

Tidak keterlaluan jika disebut bahawa kemenangan BN itu adalah kemenangan 'anak jantan', kerana sepanjang tempoh 16 hari kempen dan ceramah-ceramah politik, tidak ada isu besar yang dibawa atau ditonjolkan oleh BN dalam menarik perhatian rakyat setempat.
BN menghadapi pilihanraya kecil di dua kawasan itu dengan menggunakan konsep 'menari mengikut rentak' yang dimainkan oleh parti Pas. BN lebih banyak menangkis hujah-hujah Pas yang menggunakan isu agama bagi memancing undi.
BN tidak menggunakan isu pembangunan sebagai senjata utamanya, ia lebih menekankan kepada isu agama sebagai tindakan balas terhadap apa yang dibangkitkan oleh para pemimpin Pas.
Timbalan pengarah pilihanraya kecil BN Kemurn, Encik Hassan Harun sendiri mengakui rentak yang dimainkan



TENGGU RAZALEIGH



HAJI NIK AZIZ



DATUK HAJI ASRI

oleh Pas, dalam kempen dan ceramah-ceramahnya.
Kita lebih menumpukan kepada isu agama dan tidak ada janji-janji pembangunan dibuat seperti dalam pilihanraya-pilihanraya sebelumnya. Lebih 90 peratus bahan ceramah-hujah-hujah Pas yang menggunakan isu agama bagi memancing undi.
Keputusan pilihanraya kecil itu, khususnya di Kemurn, menunjukkan rakyat setempat telah menolak isu agama yang menjadi pelaburan Pas selama ini, dan menerima penjelasan-penjelasan BN berhubung dengan isu tersebut, terutama dalam soal kafir mengkafir.

Memutar

Buat pertama kalinya BN turun ke gelanggang menentang musuh ketuanya tanpa menggunakan senjata janji-janji projek pembangunan, sebaliknya memberanikan diri berhadapan dan menari mengikut rentak yang dimainkan oleh pihak lawan.
Langkah silat dan tarikan-tarikan yang ditarikan oleh BN lebih rancak dari rentak-rentak lagu yang dimainkan oleh Pas, sehingga Pas kehabisan iram dan lagu untuk didendangkan, menyebabkan ia nyaris terpaksa memutar lagu-lagu lama berulang kali, dan ini menjemuikan.
Strategi yang diatur oleh BN dalam menghadapi pilihanraya kecil Kemurn dan Selising itu lebih merupakan undi menguji pengaruh, kekuatan dan kemampuan Haji Nik Aziz Nik Mat, Ketua Dewan Ulama Pas, dalam memimpin Pas Kelantan yang bergaji parti itu.
Jelas sekarang bahawa rakyat di dua kawasan itu, khususnya Kemurn, dapat meniribangkitkan sebagai pemenang serangan lama ini sehingga orang Melayu berpecah

Tersalah

Pas bermati-matian cuba mempertahankan Kemurn, kerana Kemurn dalam benak minda dan suasana pertandingan kali ini adalah Pas di situ mengahankan rekod parti itu mengekalkan kawasan Parlimen Pengkalan Chepa sebagai kubu dan tunjang kekuatan Pas di Kelantan.
Pas tersalah langkah bila meletakkan Haji Hassan Ishak sebagai calonnya di Kemurn. Kekalahannya di Kemurn adalah fakta puncak.
Parti itu mungkin menghadapi keadaan yang berbeza dan harapan lebih cerah jika meletakkan Haji Nik Abdullah Arshad yang dianggap tebal juga pengaruh dan pengikutnya di kawasan Pengkalan Chepa itu.
Undi majoriti yang dicapai oleh calon BN, sedikit kalau dibandingkan 662 itu, adalah undi yang didapitinya dalam pilihanraya umum 1978 lalu sebanyak 1,799 undi. Haji Hassan Ishak memperoleh 372 undi dan calon Hamim, Encik Mohd Shukri Abdul Rahman mendapat 159 undi — hilang yang per-tarahan.
Dalam pilihanraya umum 1978, undi yang diperolehi oleh Haji Umar sebanyak 3,997 undi, manakala calon Pas Haji Daud Ibrahim mendapat 2,198. Haji Umar ketika itu bertanding atas tiket Berjasa.
Berdasarkan kepada bandingan undi antara kedua pilihanraya itu, pertambahan undi yang diperolehi oleh calon BN cuma 392 dan calon Pas pula 529 undi daripada 11,964 pem-

ilih yang berdaftar di kawasan itu sekarang.
Harus juga disebut bahawa jumlah undi sebanyak 2,198 yang didapati oleh Pas dalam tahun 1978 itu adalah undi dari lima keaduan yang sebenarnya, kerana dalam keaduan itu terdapat beberapa orang baruan, perpecahan dan krisis besar ketika itu, maka sudah tentu penyokong-penyokong Pas memberi sokongan yang bulat kepada calon-calon partinya.
Jumlah 2,198 itu adalah asas kekuatan Pas yang sebenarnya di kawasan Kemurn dan Selising. Jumlah undi yang didapati Pas itu dalam tempoh lima tahun tidak menunjukkan pengaruh Pas di situ masih kuat.
Hidup mati Pas di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa kini lebih bergantung kepada pilihanraya kecil di kawasan itu.

Undi yang diperolehi oleh calon BN, Haji Umar itu cuma bertambah 392, ia boleh dikiraan memadai, kerana beliau adalah calon daripada parti Berjasa yang pemerhati-pemerhati politik tentang kewil-bawaan dan fungsinya dalam BN.
Majoriti sebanyak 662 yang diperolehi oleh calon BN Kemurn itu, mengikut kiraan parti, mengahankan rekod parti itu dari undi pos anggota-anggota polis itu sebagai undi penentu kemenangan bagi BN.

Penentu

Menurutnya, kedatangan Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam ke Kelantan sehari undi sewaktu kempen pilihanraya yang membawa arus kemenangan kepada BN, khususnya di Kemurn.
Beliau mengukuti pengumuman Datuk Musa mengenai kenaikan tanggapan milih kepada empat angka, atau sekurang-kurangnya dua angka menjadikan undi pos di samping berbagai usaha, langkah dan strategi yang diatur oleh pucuk pimpinan BN leigh Hamzah.
'Kekalahan kita di Kemurn adalah di tangan polis — undi pos yang dibuat oleh BN. Bagi Pas kita mengahankan rekod parti itu dengan mengahankan pengiraan undi penentu kemenangan kepada Pas, tetapi kita tiba baring' telah pemimpin Pemuda Pas itu.
BN mungkin mendapat manfaat yang banyak daripada empat angka, atau sekurang-kurangnya dua angka, atau sekurang-kurangnya 1,799 yang diperolehi dalam tahun 1978, jika Umar dari Berjasa di Kemurn itu bukan kemenangan kepada BN dan bukan kemenangan 'batang tubuh calon BN' yang didapati Pas dalam BN seperti yang didakwa oleh pengkritik pihak musuh, merupakan salah satu fakta menyebabkan majoriti undi BN

Golongan atau orang-orang 'atas pagar' tahun 1978, mengalihkan kepercayaan dengan memberi undi 'simpati' kepada Pas dengan perasaan yang berat.
Haji Nik Aziz meletakkan kekalahan Pas dalam pilihanraya kecil di Kemurn dan Selisingnya para pemilih di kedua kawasan tersebut, kerana tidak memahami konsep perjuangan Pas selama ini.
Sebagian besar rakyat masih belum familiar terhadap perjuangan Pas dan tidak da-

pat membuat perbezaan antara perjuangan Islam dengan sekular, ujarnya.
Lain-lain fakta menyebabkan kekalahan Pas di Kemurn dan Selising adalah kawasan tersebut sejak tahun 1978 menjadi kawasan 'pertumbuhan baru' yang paling maju dan membangun di negeri Kelantan. Penduduknya terdiri dari berbagai lapisan masyarakat 'pertengahan' seperti guru, para pegawai dan kakitangan kerajaan, dan ahli perniagaan di samping anggota-anggota polis, ten-tara, kaum tani dan nelayan.
Strategi yang diatur oleh BN dan ceramah-ceramah para pemimpin parti Hamim juga banyak menolong membawa kemenangan kepada calon BN Kemurn dan Selising.
Seperti yang diramalkan Hamim, BN memang mudah di Selising. Calonnya, Wan Mohamad Wan Abu Bakar mengalahkan calon Pas, Drs Abdul Rahman Haji Ahmad dan dengan kelebihan 2,154 undi — kurang 72 undi daripada kelebihan yang didapitinya dalam pilihanraya umum 1978 lalu.
Keadaan di Selising amat berbeza dengan Kemurn, kerana kawasan tersebut boleh dianggap sebagai kubu kuat Umno sejak akhir-akhir ini, walaupun kerusi itu dipergang oleh Pas sejak tahun 1969 hingga 1978.
Walaupun kelebihan undi BN kurang, tetapi kekuatan BN, khususnya Umno di Selising bertambah kuat dan kukuh. Kemerosotan itu berpunca dari pelbagai sebab, kitor yang di-jalankan oleh pihak lawan termasuk 'musang berbulu ayam' dalam Umno sendiri untuk menajutkan Wan Mohamad.
Segala fitnah ke atas beliau yang disebar-kan oleh golongan 'musang berbulu ayam', termasuk surat layang di dalam Perhimpunan Agung Umno mengenai dirinya, tidak meninggalkan sebarang kesan kepada pilihanraya kecil di kawasan itu 8 September lalu.

Melembahkan

Kekalahan teruk parti Hamim yang dipimpin oleh Datuk Haji Mohd Asri Muda sehingga kalahnya di Kemurn dan Selising adalah sangat pertaruhan, adalah satu ukuran awal kepada imej dan maruah politik parti itu di Kelantan, lebih-lebih lagi pengaruh dan kepercayaan ramai, khususnya para penyokong Pas, kepada Datuk Asri.
Datuk Asri dari berimpian Hamim yang lain mungkin tidak mengadu parti itu akan menerima kekalahan begitu teruk dan keputusan 8 September itu dengan sendirinya memberi jawapan kepada pucuk pimpinan Hamim terhadap penerimaan rakyat kepada penubuhan parti itu.
Sukar bagi Hamim untuk memecah pengaruh Pas di Negeri Kelantan bagi menyokong perjuangan Hamim. Hamim belum lagi mempunyai pangkalan atau kawasan yang boleh didakwa sebagai kubu kuatnya dan nasib yang diterima dalam pilihanraya kecil Kemurn dan Selising itu boleh melemahkan semangat dan kepercayaan di kalangan orang-orang yang sebelum ini berhasrat untuk menyertai Hamim.
Nyata sekarang bahawa kejujuran Hamim sebagai salah sebuah parti yang lurus memperjuangkan Islam setakat ini tidak di-garap dan tidak ditakuti oleh Pas, walaupun pemimpinnya terdiri dari jaguh-jaguh politik yang pernah memimpin dan membawa Pas memerintah Kelantan selama 18 tahun.
Undi yang diperolehi oleh calon Hamim di Kemurn, Encik Mohd Shukri Abdul Rahman sebanyak 159 undi di Selising, Haji Nawi Awang sebanyak 161, adalah jauh lebih rendah daripada yang didapati oleh calon bebas dalam pilihanraya umum 1978 lalu.
Dalam pertandingan empat penjuru di Selising dalam pilihanraya 1978, calon bebas Encik Mohamad bin Jusoh mendapat 489 undi.
Se-seorang calon yang bertanding atas tiket sebuah parti seperti Hamim, yang didokong oleh seorang waras dalam arena politik kecil itu, jumlah undi sebanyak itu hanya ia dapat ukur, calon bebas yang tidak mempunyai asas dan matlamat perjuangan

Bahan asal dari Akrib Negara Malaysia